

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI
YANG DI-PERTUA BAKTI SELAKU PENERUS
JAWATANKUASA PENGELOLA PERSIDANGAN KEBANGSAAN
PENGLIBATAN IBUBAPA DALAM PENCEGAHAN DADAH'
DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KUALA LUMPUR
PADA HARI SABTU, 26HB. OKTOBER, 1985
PUKUL 9.00 PAGI

Assalamu'alaikmn warahmatullahi wabarakatuh dan selamat
sejahtera.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia,-

Yang Berhormat Menteri-Menteri dan
Timbalan-Timbalan Menteri;

Dif-Dif Kehormat;

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

Bagi pihak Jawatankuasa Pengelola, saya ingin
merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat
Berhormat Perdana Menteri kerana dapat meluangkan masa untuk
merasmikan 'Persidangan Kebangsaan Penglibatan Ibubapa Dalam
Pencegahan Dadah' anjuran BAKTI. Sesungguhnya kehadiran
Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mencerminkan keazaman
dan kesungguhan Kerajaan untuk membanteras masalah dadah
dalam masyarakat kita. Kepada para peserta dan pemerhati
dari seluruh Malaysia saya mengucapkan selamat datang dan
terima kasih kerana sudi menerima jemputan BAKTI untuk
sama-sama menjayakan Persidangan ini.

2. Pahaya dan ancaman dadah serta keazaban mereka yang menagihnya adalah nyata, dan dengan itu Kerajaan telah berusaha untuk raenghapuskan masalah dadah ini dengan sedaya upayanya. Namun demikian, masih banyak lagi tindakan yang perlu diambil bagi memerangi dadah di negara kita. Dalam menghadapi masalah ini kita tidak boleh bergantung kepada Kerajaan semata-mata untuk memerangi wabak ini. Usaha memerangi dadah memerlukan tindakan sepenuhnya dan bersepadu daripada semua pihak. Kita berbangga oleh kerana terdapat beberapa pertubuhan yang bergerak secara aktif bagi membantu Kerajaan membanteras penyalah-gunaan dadah. Walau bagaimanapun masih banyak lagi usaha yang mesti kita laksanakan supaya usaha kita ke arah ini akan berjaya akhirnya.

3. Menyedari hakikat ini, RAKTI telah mengambil inisiatif untuk mengadakan 'Persidangan Kebangsaan Penglibatan Ibubapa Dalam Pencegahan Dadah', khusus untuk mengemblengkan tenaga setiap kumpulan masyarakat dalam membantu usaha Kerajaan membanteras dadah.

4. Masalah penagihan dadah telah menjadi satu masalah serius yang mengancam keharmonian, kestabilan dan keselamatan negara kita. Saya percaya ramai di antara kita, secara langsung atau tidak langsung, mengalami masalah ini sama ada dengan anggota keluarga kita sendiri, saudara mara ataupun kenalan dan jiran tetangga. Dengan itu, kita secara individu ataupun kumpulan dapat memberi sumbangan yang lebih bermakna kepada usaha yang sedang dijalankan oleh Kerajaan.

5. Adalah menjadi matlamat Persidangan ini untuk memupuk kesedaran di kalangan ibubapa akan pentingnya peranan serta sumbangan ibubapa dalam bidang pencegahan dadah selaras dengan tema Persidangan iaitu 'Pencegahan Dadah Bermula Dari Keluarga Dan Masyarakat'¹. Di samping itu adalah menjadi matlamat Persidangan ini untuk mengenal-pasti peranan setiap

anggota masyarakat secara individu atau secara kumpulan dalam bidang pencegahan dadah.

6. Saya berharap dalam Persidangan selama dua hari ini para peserta akan dapat membincang serta merumuskan langkah-langkah yang konkrit dan praktikal yang dapat kita jalankan bersama untuk memerangi ancaman dadah dalam masyarakat kita.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

7. BAKTI tidak akan dapat menganjurkan Persidangan sebesar ini tanpa bantuan tenaga, raasa dan kerjasama daripada berbagai pihak, persatuan-persatuan dan agensi-agensi Kerajaan. Mereka telah bertungkus-luinus dengan tidak mengenal erti penat-lelah bagi memastikan Persidangan ini benar-benar berjaya. Di sini, ingin saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya sebagai Yang Di-Pertua BAKTI kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha menjayakan Persidangan ini.

8. Izinkanlah saya sebutkan mereka yang menyertai Jawatankuasa Pengelola yang merabantu BAKTI dengan ahli-ahli Jawatankuasa Kecil masing-masing. Mereka ini terdiri daripada -- (i) Pasukan Petugas Anti Dadah, Majlis Keselamatan Negara, (ii) PEMADAM dan pasukan sukarelawaninya, (iii) NACIWID dan pasukan pelaporinya, (iv) PUSPANITA dan pasukannya, termasuklah Koir yang diaturkan, (v) Pertubuhan Perkumpulan Perempuan atau WI, (vi) Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Kelab Lions, Jaycees, Bulan Sabit Merah dengan pasukan masing-masing, termasuklah para doktor yang hadir di Dev/an Pameran sebagai 'Counsellors', (vii) agensi-agensi Kerajaan dan Kementerian yang menganggotai Pasukan Petugas, (viii) Urusetia Persidangan Antarabangsa dan pasukannya, dan (ix) semua pihak yang dengan sukarela membiayai buku cenderamata, fail-fail kertas kerja, sepanduk, risalah-risalah, cenderamata dan banyak lagi

pertolongan untuk menjayakan Persidangan ini. Kepada semua pihak ini, BAKTI sangat terhutang budi dan mengucapkan berbanyak terima kasih.

9. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada para hadirin dan peserta sekalian yang telah sama-sama hadir untuk menjayakan Persidangan ini. Saya berharap Persidangan ini akan menjadi teras utama dalam membantu Kerajaan membanteras masalah penagihan dadah di negara kita. Terima kasih.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamu'alaikum
warahmatuliah wabarakatuh.
